



Hari Raya disambut meriah

Kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan isteri, Datin Salbiah Hussain memeriahkan sambutan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat universiti yang diadakan dalam suasana yang cukup meriah di hadapan perkarangan Bangunan Canseleri UMP Kampus Gambang pada 6 September 2013 yang lalu.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan isteri, Datin Fazia Ali.

Lebih 3,000 warga UMP hadir di gerai yang menyediakan 22 menu istimewa antaranya sup dan roti yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta, Nasi Gulai Kawah (Pejabat Naib Canselor), Nasi Minyak (Jabatan Pendaftar), Lontong (Fakulti Sains & Teknologi Industri) dan Pemanis Mulut (Jabatan Bendahari).

Turut mendapat sambutan menu sate yang disediakan sebanyak 20 ribu cecuk oleh pihak UMP Holding Sdn. Bhd. Dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Lain-lain menu yang disediakan

termasuklah mee soto, kebab, pizza, lontong, laksa Pahang, soto dan beraneka air dan kuih-muih.

Penganjuran majlis pada kali ini menyaksikan sebanyak 26 gerai disediakan mengikut jabatan yang menyediakan pelbagai juadah istimewa di samping menghias gerai masing-masing mengikut kreativiti setiap jabatan.

Menurut Dato' Mohd Hilmey, program ini merupakan medium terbuka untuk berinteraksi serta dapat mengeratkan silaturahim antara warga UMP.

Beliau turut berpesan kepada mahasiswa baharu agar menghabiskan pengajian sehingga berjaya dalam aspek akademik dan kokurikulum serta menghindari aktiviti yang tidak berfaedah yang boleh mencemarkan nama baik universiti.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing berkata, sambutan pada hari ini juga merupakan pernyataan kesyukuran kita terhadap pelbagai kejayaan yang telah dikecapi sepanjang setahun yang lalu.

"Majlis ini turut meraikan kehadiran

mahasiswa baharu UMP yang baharu sahaja selesai melafazkan ikrar. Majlis ini juga merupakan medan untuk menjalin hubungan dan menyemarak ukhuwah bukan sahaja dalam kalangan warga UMP tetapi juga bersama komuniti sekitar, para pelanggan dan pihak berkepentingan universiti ini," katanya.

Turut diadakan pertandingan gerai tertarik dan paling kreatif bertemakan suasana hari raya. Pemenang dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan, kebersihan dan keceriaan dalam membuat reka bentuk gerai.

Tempat pertama dimenangi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) dan kedua Makmal Berpusat serta tempat ketiga dimenangi Pusat Kesihatan. Manakala Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) mendapat tempat keempat diikuti Perpustakaan di tempat kelima.

Hadir sama ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib dan Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Alumni UMP.